

CARA DAFTAR (Sekali Sahaja)

BH Daftar (Nama Gelaran) (No MyKad)
SMS ke 32728

CARA HANTAR KOMEN


BH Komen (Komen Anda)
SMS ke 32728

Komen disiarkan dalam ruangan ini adalah pandangan peribadi pembaca Berita Harian dan **r@kanBH** bukan menggambarkan pandangan akhbar ini

CARA KOMEN MMS

BH Lapor (Keterangan Gambar)
atau **BH Komen**
(Keterangan Gambar)
MMS ke mms@dapat.com

Pastikan anda sudah aktifkan MMS. Taip:
ON BH MMS dan hantar ke **32728**



Kelab Al-Biruni Universiti Putra Malaysia (UPM) mengharumkan nama Malaysia apabila menjayakan Program Integrasi Silang Budaya dan Kajian Kes Bahasa Inggeris di lima universiti di Turki, baru-baru ini. - [BHA36821 OPIEHAMZAH]

Kepada semua guru atau cikgu, Selamat Hari Guru. Anda bak sinar mentari dan pena hati kami memberi ilmu sejak anak kecil sehingga dewasa. - [SULINA:BHA21663]

Selamat Hari Guru kepada semua insan bergelar guru khas buat isteriku, Chek Zulina Md Ramli yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Mat Kilau, Kuantan. Semoga terus tabah memukul amanah. - [TAMZERMAN:BHA27867]

Seronok melihat Datuk Lee Chong Wei bermain. Tenang dan bersahaja. Tahniah dan



semoga anda berjaya pada Kejohanan Badminton Dunia nanti. - [OTAIA:BHA38675]

Apa keputusan syarikat telekomunikasi? Katanya syarikat pengeluar boleh tuntut semula

GST pada kerajaan, kenapa syarikat TELCO masih hendak kenakan GST? - [BHA38634:MRJAI88]

Pihak berwajib tololongh pantau harga barang di sekitar kawasan FELDA. Contohnya minyak kelapa lima kilogram ditulis harga di botol RM13.35, tapi peniaga menjualnya dengan harga RM14. - [PETIR13:BHA02962]

Kebelakangan ini ramai pemboncung motosikal guna laluan kenderaan biasa di sepanjang Lebu Raya Persekutuan. Apakah ia dibenarkan dan sebarang kemalangan boleh dituntut insurans? - [QASIDA:BHA37118]

Tahniah kepada pasukan Johor Darul Takzim kerana menjadi menewaskan Balestier Khalsa dan muncul juara Kumpulan F serta layak ke pusingan 16 terakhir Piala AFC. Sekali gus JDT membawa nama Malaysia. - [BHA38634:MRJAI88]

Walaupun menjangkakan Piala FA akan berpindah tangan, teman tidak mengharapkan ia menyeberangi tambak. Semoga percaturan jurulatih Rahman terus menjadi dan Lions XII diketepikan - [YOPKIDAI:BHA03431]

Kenapa jurulatih Zainal Abidin tidak menurunkan ilmunya pada Gopinathan. Banyak peluang disia-siakan. Apa kata tahun depan masuk JDT untuk timba ilmu? - [OTAIA:BHA38675]

Kadang-kadang hairan dengan pendeposit Tabung Hajji, terkejut sikit mulalah melatah. Bila kerajaan sahkan ia dijamin, mereka tetap keluarkan simpanan. - [YOPKIDAI:BHA03431]

Sudah-sudahlah YOPKIDAI. Komen kamu buat orang hilang sabar. Muhasabah diri dulu barulah komen negeri lain. - [GOLOK77:BHA38496]

'Saya kecewa, ini tidak adil'. Itu kata Wei Feng, namun kepada siapa ia ditujukan, teman tidak tahu. Kepada FAM atau Zulfadli, tapi teman hendak tengok apa yang bakal terjadi? - [YOPKIDAI:BHA03431]



Pelajar bersama pensyarah kelas Advance Public Relations Universiti Putra Malaysia (UPM) selepas sesi diskusi bagi menganjurkan Seminar Perhubungan Awam (PR) pada 19 Mei ini. - [BHA38634:MRJAI88]